

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 0 8

Minggu Sains Negara Sekolah Kebangsaan Kuala Pilah: "Art In Medicine"

SITI HAJAR MD.JANI

PENSYARAH KANAN, FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS KUALA PILAH

DR.JAMALI WAGIMAN

ASSISTANT PROFESSOR, FAKULTI PERUBATAN DAN KESIHATAN, UCSI UNIVERSITY, KAMPUS BANDAR SPRINGHILL, PORT DICKSON

Bermula tahun 2018 kerajaan telah menetapkan Minggu Sains Negara disambut pada setiap April. Ini bertujuan untuk membudayakan inovasi dan kreativiti pada semua peringkat masyarakat. Minggu Sains Negara ini diadakan dengan melaksanakan program dan aktiviti berteraskan sains, teknologi dan inovasi (STI).Ianya bagi memupuk minat pelajar dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Bagi tahun 2023, oleh kerana sesi persekolahan bermula pada Mac 2023, Minggu Sains Negara di peringkat sekolah telah di anjukkan pada bulan September. Sekolah Kebangsaan Kuala Pilah telah menjemput kami iaitu seorang pensyarah dari fakulti pengurusan perniagaan UiTM Kuala Pilah (Siti Hajar Binti Md.Jani) dan seorang lagi pensyarah dari fakulti perubatan dan kesihatan (Dr.Jamali Bin Wagiman) Universiti UCSI sebagai sukarelawan ibu bapa mengadakan aktiviti bersama pelajar sempurna Minggu Sains Negara pada kali ini. Pada 8 September 2023 bersamaan hari Jumaat tarikh yang diberi kepada kami untuk menjalankan sesi perkongsian. Jemputan mengadakan aktiviti Sains ini telah di beri kepada kami sebulan awal daripada tarikh yang ditetapkan.

Oleh itu, kami telah memberi tema "Art in Medicine" untuk aktiviti kelolaan kami pada hari tersebut. Sasaran kami adalah hanya kepada pelajar tahun 6, kerana kami mengambil tajuk Unit 2 dalam Subjek Sains tahun 6 iaitu Sistem Pembiakan Manusia. Kami menyediakan 3 aktiviti sepanjang setengah hari tersebut iaitu dari pukul 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Aktivitinya adalah:- 1) Pembelajaran melalui "DIY" (Do It Yourself) pembentukan model sistem pembiakan lelaki dan wanita. 2) Penciptaan buku "Pop Up" Sistem Pembiakan Manusia 3) Rekaan dan pemasangan Rangka manusia.

Dr. Jamali Bin Wagiman (Pakar Perbidanan dan Sakit Puan) yang telah menginovasikan ketiga-tiga idea aktiviti ini sebagai alat bantuan pembelajaran yang berkesan bagi topik tersebut dengan kos yang lebih efisien berbanding alat bantuan mengajar di pasaran luar untuk topik ini. Beliau mengajar dan menerangkan tentang sistem pembiakan manusia melalui cara pembentukan model DIY dan penciptaan buku Pop up tersebut. Dengan merujuk buku teks yang digunapakai oleh semua pelajar Tahun 6, kaedah menyediakan model dan buku pop up pelajar dapat mengenali struktur dan fungsi sistem reproduktif lelaki dan wanita dengan lebih berkesan. Tanpa mereka sedar, mereka telah melakukan ulangkaji sewaktu melengkapkan model dan buku pop up tersebut. Malah dari mula hingga akhir program pelajar-pelajar mampu mengenalpasti, menghubungkan setiap komponen serta mampu memahami fungsinya sekali. Sebagai pencetus minat untuk menganalisa dan memahami sistem organ manusia yang lain, program ini juga mengajak pelajar untuk membina rangka manusia bersaiz sebenar dimana setiap satu dari lapan kumpulan pelajar dikehendaki menyediakan anggota badan menggunakan templat keyboard yang disediakan. Rangka manusia lengkap ini kemudiannya diserahkan kepada guru sains mereka untuk tujuan pembelajaran seterusnya.

Seramai 72 orang pelajar telah menyertai aktiviti ini. Program ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan terbuktinya apabila pelajar boleh menerangkan semula tentang bagaimana sistem pembiakan manusia berfungsi setelah tamat aktiviti- aktiviti tersebut. Aktiviti-aktiviti ini turut dibantu oleh seramai empat orang guru Sains bagi memfasilitat pelajar ketika melakukan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Aktiviti tamat pada pukul 12 tengahari.

MINGGU SAINS NEGARA SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA PILAH

